

CNS1299

R GB 14-02 00164 AB871

Bah

UMNO - Sabah (ulangan dgn pembetulan, menggugurkan para 7)

LANGKAWI, 14 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kekeliruan mengenai perlantikan Encik Ghafar Baba sebagai Ketua Perhubungan UMNO Sabah telah selesai berikutan pertemuan beliau dengan Presiden USNO Tun Datu Mustapha Harun di Kuala Lumpur semalam.

Perdana Menteri berkata beliau telah menjelaskan kedudukan sebenar mengenai perkara itu kepada Tun Datu Mustapha.

Katanya, kekeliruan itu timbul daripada salah faham.

+Saya yakin Tun Datu Mustapha faham mengenai perkara itu dan menerimanya dengan sepenuh hati,+ katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Katanya, perlantikan Timbalan Perdana Menteri itu untuk mengetuai UMNO Sabah, hanya buat sementara. Apabila selesai proses penubuhan UMNO di sana, bolehlah dilantik tokoh dari negeri itu menjadi Pengerusi UMNO Sabah.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah bahawa beliau mengesyaki kekecohan isu perlantikan Encik Ghafar mengetuai UMNO Sabah ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu yang ingin menghalang UMNO bergerak di Sabah. -- lagi

14/02/17-56MST

CNS1242

R GB 14-02 00108 BA835

Bah

UMNO - Sabah 2 Langkawi

Mengenai memorandum USNO kepada UMNO berhubung dengan perlantikan Encik Ghafar dan penubuhan UMNO di Sabah, Datuk Seri Dr Mahathir berkata memorandum itu diserahkan oleh Timbalan Presiden USNO, Tan Sri Sakaran Dandai kepada Encik Ghafar.

+Saya tidak tahu isi kandungan memorandum itu,+ katanya.

Perdana Menteri juga menafikan dakwaan bahawa kilang simen kepunyaan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah (PKNK), Kedah Cement Factory di Teluk Ewa, telah dijual kepada sebuah anak syarikat kumpulan Kuok Brothers.

Katanya yang sebenarnya kilang simen itu akan disusun semula dengan PKNK masih mempunyai kepentingan di dalamnya. -- Bernama.

♥14/02/16-48MST

Bah

UMNO - Sabah 3 Langkawi (Sambungan)

Di KOTA KINABALU, Tun Datu Mustapha berkata isu Ketua Perhubungan UMNO Sabah telah selesai setelah beliau berunding dengan Datuk Seri Dr Mahathir dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamad Rahmat, baru-baru ini.

Beliau berkata beliau telah mendapat penerangan +yang sejelas-jelasnya+ daripada mereka berdua tentang perlintakan sementara Encik Ghafar itu.

Ketika bercakap dengan pemberita setibanya dari Kuala Lumpur, beliau berkata ketua perhubungan akan dipegang oleh rakyat negeri ini setelah semua pemilihan jawatankuasa UMNO peringkat cawangan dan bahagian diadakan.

Pemilihan jawatankuasa cawangan diadakan mulai Jun manakala bahagian, bulan Ogos.

Tun Datu Mustapha juga menjelaskan bahawa kesemua 20 orang yang menganggotai jawatankuasa penaja UMNO Sabah terdiri daripada anggota USNO. Katanya, tidak benar bahawa enam tempat diperuntukkan kepada mereka dari luar USNO.

Beliau berkata, 20 orang Pengerusi Jawatankuasa Penaja Bahagian juga dilantik daripada kalangan orang USNO manakala anggotanya terdiri daripada 14 anggota USNO dan selebihnya, dari luar USNO. -- Lagi.

♥14/02/17-18MST

Bah

UMNO - Sabah 4 Langkawi

Bagaimanapun, beliau berkata apabila pemilihan diadakan kelak, mana-mana anggota boleh bertanding tanpa mengira mereka dahulunya anggota USNO atau tidak.

Menurut Tun Datu Mustapha, pada perhimpunan agung USNO mulai 21 Feb, beliau akan menyerahkan surat perletakan jawatan secara rasmi dari USNO dan borang kemasukannya ke dalam UMNO, kepada Presiden UMNO.

Beliau berkata semua anggota USNO dan majlis tertinggi, kecuali 11 anggota Dewan Undangan Negeri dari parti itu, juga akan menyertai UMNO.

+Kesemua sebelas anggota Dewan Undangan Negeri itu akan menjadi badan penjaga USNO setelah perhimpunan agung,+ katanya. -- Bernama.

♥14/02/17-19MST